

Lampiran Penerangan Produk

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai insurans perubatan dan kesihatan. Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)?

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) adalah skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan tahunan yang direka bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing ("**Orang Yang Diinsuranskan**") dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat disebabkan oleh kemalangan atau penyakit.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM105.00** setahun untuk seorang Orang Yang Diinsuranskan, anda akan dilindungi oleh yang berikut :

Perlindungan		RM20,000 had keseluruhan tahunan untuk seorang Orang Yang Diinsuranskan
1(a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160.00 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan & Perkhidmatan Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8	Bayaran Ambulans / Bayaran Laporan Perubatan	

Nota: Sila baca kontrak polisi anda untuk butir-butir perlindungan

Insurans perubatan dan kesihatan anda **tidak termasuk**:

- Penyakit sedia ada (dikecualikan jika pemeriksaan kesihatan FOMEMA lulus dalam tempoh 30 hari selepas ketibaan di Malaysia)
- Penyakit tertentu dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan
- Pembedahan kosmetik/plastik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, pembedahan pembetulan penglihatan, prostetik, alat bantu pendengaran, alat pacu jantung
- Rawatan pergigian (kecuali kecederaan secara kemalangan ke atas gigi asli yang sihat semasa tempoh insurans)
- Kejururawatan persendirian, penawar rehat, dadah haram, mabuk, pemandulan, penyakit kelamin, AIDS/HIV, penyakit yang memerlukan kuarantin
- Keadaan kongenital atau keturunan
- Kehamilan, kelahiran anak, keguguran, pengguguran, ketidaksuburan, mati pucuk, pemandulan
- Kemasukan ke hospital untuk siasatan, pemeriksaan am, rawatan yang tidak diperlukan secara perubatan atau pencegahan, kawalan berat badan
- Bunuh diri atau kecederaan ke atas diri sendiri
- Peperangan, keganasan, angkatan tentera, mogok, rusuhan, kekecohan awam
- Pencemaran nuklear/radioaktif
- Kos pendermaan organ/pemerolehan

- Gangguan tidur/berdengkur, penggantian hormon, terapi alternatif (contoh: kiropraktik, akupuntur, urut)
- Perbelanjaan yang dilindungi oleh insurans lain atau Pampasan Perkerja
- Gangguan mental/saraf
- Perkhidmatan bukan perubatan (televisyen, telefon, kit kemasukan, dan lain-lain)
- Berlumba (kecuali berjalan kaki), sukan berbahaya/profesional/haram
- Penerbangan persendirian (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di syarikat penerbangan berlesen)
- Perbelanjaan penukaran jantina

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:

Hubungi kami di: 603-2058 3000

Lawati kami di: [Foreign Workers Hospitalisation and Surgical Scheme Insurance in Malaysia - Chubb](https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html)

Hubungi kami atas talian di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

Emel kami di: Inquiries.MY@chubb.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

For your medical and health insurance, you must pay a premium of:	
Premium	RM 105.00 setahun
Tempoh: sehingga umur 60 tahun	
Anda juga perlu membayar fi dan caj yang berikut:	
Duti setem	RM 10.00 (dikecualikan untuk pemegang polisi individu)
Komisen	10% daripada premium atau RM 10.50 (termasuk dalam premium)
Cukai perkhidmatan	8% daripada premium atau RM8.40
Bayaran Pentadbir Pihak Ketiga	RM15.00

4. Terma-terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin menghadapi risiko tuntutan anda ditolak atau polisi dibatalkan.
- Perlindungan anda hanya akan bermula pada tarikh kuatkuasa polisi, kecuali untuk penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang dihidapi oleh pekerja asing, yang hanya akan dilindungi selepas 120 hari daripada tarikh kuatkuasa.
- Polisi ini digunapakai untuk pekerja-pekerja sepenuh masa anda yang kini dan masa depan, daripada umur 18 sehingga 60, yang terlibat secara aktif dalam kerja biasa pada tarikh orang tersebut layak untuk menyertai polisi ini.
- Wilayah Geografi – Semua manfaat yang diberi di dalam polisi ini digunapakai dalam Malaysia sahaja untuk dua puluh empat (24) jam sehari. Perlindungan diberhentikan dari masa pekerja asing meninggalkan Malaysia dan sambung semula apabila beliau kembali ke Malaysia.
- Tempoh Tangguh – Polisi ini adalah Bayaran Sebelum Perlindungan. Walau apapun syarat Bayaran Sebelum Perlindungan, Tempoh Tangguh empat belas (14) hari daripada tarikh akhir akan dibenarkan untuk bayaran setiap premium selepas tahun polisi yang pertama. Semasa empat belas (14) hari tersebut, kami akan kekal bertanggungjawab jika menjelang hari akhir seperti itu, premium telah dibayar. Jika sebarang premium tidak dibayar berkenaan dengan kontrak polisi sebelum akhir Tempoh Tangguh, kontrak polisi ini akan dianggap telah dibatalkan pada tarikh penamatan polisi ini.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda patut rujuk kepada polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi kami notis bertulis dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tahun polisi yang terkini, anda berhak untuk bayaran balik premium seperti yang berikut :

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan (%)
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh yang melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik